

**TEKS UCAPAN NAJB CANSelor
MAJLIS PERASMian
SEMInAR PANGKALAN DATA KOMERSIAL 2007
7 OGOS 2007
HOTEL PROMENADE KOTA KINABALU**

TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR
Majlis Perasmian
Seminar Pangkalan Data Komersil 2007
7 Ogos 2007
Hotel Promenade Kota Kinabalu



Yang Berusaha Puan Dg Rukiah Ag Amit,
Pemangku Timbalan Ketua Pustakawan UMS,

Yang Berusaha Tuan Syed Salim Agha,
Mantan Ketua Pustakawan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
dan juga Mantan Penggerusi Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil,

Yang Berusaha Puan Nooraini Ismail,
Ketua Pustakawan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM),
merangkap Penggerusi Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil yang baru,

Timbalan-Timbalan Naib Canselor dan Pegawai Utama Universiti Malaysia Sabah,
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan Universiti Malaysia Sabah,

Para Pembentang kertas kerja yang dihormati, para peserta, para jemputan,
Tuan-tuan dan Puan-puan hadirin sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia-Nya maka dapatlah kita bersama-sama berada di majlis perasmian Seminar Pangkalan Data Komersil 2007 pada pagi ini.

Saya bagi pihak Universiti Malaysia Sabah mengalu-alukan kedatangan tuan/puan ke seminar ini dan kepada para peserta dan pembentang dari luar Sabah saya mengucapkan selamat datang ke Sabah Negeri Di bawah Bayu.

Saya dimaklumkan bahawa Seminar Pangkalan Data Komersil pada kali ini adalah yang kedua diadakan selepas ianya diadakan di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) pada tahun lalu di mana pada tahun 2006 ianya telah dianjurkan bersama oleh Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Saya juga dimaklumkan bahawa seminar ini akan dijadikan sebagai program atau aktiviti tahunan bagi jawatankuasa ini.

Selaku tuan rumah dan juga pengajur kepada Seminar Pangkalan Data Komersil pada tahun ini maka saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah di atas segala usaha, kesungguhan dan juga komitmen yang ditunjukkan bagi menjayakan seminar ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil kerana telah memberi mandat dan kepercayaan penuh kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah untuk mengadakan seminar ini di Sabah pada tahun ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebagaimana yang kita sedia maklum, kerajaan kita berhasrat untuk melahirkan masyarakat Malaysia yang berpengetahuan luas dalam usaha untuk memajukan negara ini agar mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Oleh itu, perolehan dan penguasaan ilmu pengetahuan dan maklumat secara berterusan dengan amalan pembelajaran sepanjang hayat (life-long learning) kini dilihat sebagai salah satu asset terpenting kepada pembangunan dan kecemerlangan individu, masyarakat dan juga Negara.

Menyedari hakikat akan kepentingan ilmu pengetahuan dan maklumat ke arah mewujudkan sebuah universiti kelas pertama bertaraf dunia, maka saya percaya kesemua Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di Malaysia melalui perpustakaan masing-masing telah membelanjakan sejumlah besar peruntukan dalam menyediakan bahan-bahan bacaan dan rujukan bagi tujuan pembelajaran, pengajaran dan juga penyelidikan .

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Salah satu sumber bahan bacaan dan rujukan yang amat penting selaras dengan kemajuan dunia IT dan ICT dewasa ini ialah sumber bahan bacaan dan rujukan yang bersifat elektronik di mana ianya mampu dicapai dan digunakan secara online oleh ramai pengguna dalam satu masa, dengan cara yang lebih mudah, cepat dan berkesan, tanpa mengira tempat dan masa.

Pangkalan Data Elektronik adalah salah satu daripadanya. Ia merupakan satu platform atau sumber saluran kepada maklumat dan pengetahuan secara online yang semakin popular digunakan oleh kalangan ahli akademik dan juga pelajar di IPTA dan IPTS di negara ini. Terkandung di dalamnya jurnal-jurnal, buku-buku, prosiding dan kertaskerja, buku panduan, standards, patents, statistics, dan sebagainya. Namun, harga langganan sebahagiannya yang amat tinggi dan semakin meningkat dari tahun ke tahun menuntut kepada kita untuk sentiasa menilai dan mengkaji semula sejauh mana faedah dan keperluannya kepada pengguna bagi mengelakkan sebarang pembaziran . Saya difahamkan bahawa sebahagian besar Perpustakaan IPTA/IPTS melanggan Pangkalan Data yang sama. Oleh yang demikian mungkin melalui suatu bentuk

usaha sama dan perkongsian berkaitan akan dapat menjimatkan kos perbelanjaan dan memberi ruang kepada langganan pangkalan data yang baru yang lebih khusus dan lebih diperlukan oleh IPTA/IPTS berkenaan. Dalam hal ini saya yakin dan percaya bahawa Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil yang ada boleh berusaha ke arah itu melalui seminar seumpama ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Saya amat berharap bahawa dengan adanya seminar dua hari ini maka ianya bukan sahaja akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan dan maklumat berkaitan pengurusan dan perkhidmatan pangkalan data , tetapi juga menjadi platform perbincangan dan penyelesaian di mana pada akhirnya akan mampu membuka dan memperluaskan lagi ruang perkongsian dan kerjasama berkaitan di kalangan perpustakaan IPTA, IPTS, Perpustakaan Negara dan Negeri, dan juga perpustakaan-perpustakaan institusi lain yang berkenaan, seperti Perpustakaan MARDI, MOSTI, MPOB, FRIM, Agensi Nuklear Malaysia dan lain-lain lagi. Saya yakin dan percaya bahawa sekiranya usahasama dan perkongsian bijak, murni dan berkesan ini dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang, maka hasrat perpustakaan untuk kekal menjadi sebagai pusat rujukan utama kepada sumber pengetahuan dan maklumat berkaitan akan tercapai. Dalam masa yang sama, pengurusan dan perkhidmatan pangkalan data yang cekap dan berkesan yang disediakan oleh perpustakaan kepada pengguna, akan dapat membantu merealisasikan impian pihak kerajaan untuk mewujudkan sebuah masyarakat yang kaya dengan pengetahuan dan maklumat khususnya di kalangan warga institusi pengajian tinggi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Akhir kata, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Jawatankuasa Pangkalan Data Komersil (JKPDK) kerana telah memberi ruang serta peluang kepada Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah untuk menjadi pengajur dan tuan rumah bagi mengadakan Seminar Pangkalan Data Komersil pada tahun ini. Semoga seminar ini dengan tema *Ke Arah Usahasama Berkesan* akan berjaya mencapai objektifnya. Tahniah dan syabas kepada pihak Perpustakaan UMS di atas kejayaan ini. Tidak juga dilupakan kepada para pembentang dan para peserta seminar di atas sokongan dan kerjasama padu yang telah diberikan. Selamat berseminar selepas ini. Juga kepada para jemputan yang turut memeriahkan majlis perasmian pada pagi ini, terima kasih saya ucapkan. Di kesempatan ini juga saya turut mengambil peluang untuk mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan Negara kita yang ke-50 tahun dan untuk itu marilah kita sama-sama bertekad dan berazam di dalam diri kita untuk terus menabur bakti dan menyumbang kepada kemajuan serta kemakmuran Negara kita yang tercinta mengikut peranan dan kemampuan yang ada pada kita masing-masing.

Maka dengan itu, sukacitanya dengan lafaz BISMILLAHIRRAHMANIRAHIM, saya merasmikan Seminar Pangkalan Data Komersil 2007 pada kali ini.

Sekian, Terima Kasih

PROF. DATUK DR. MOHD NOH BIN DALIMIN